

Kenyataan Media Global Bersih

13 Ogos 2020

SPR PERLU MEWUJUDKAN SISTEM PENGUNDIAN LUAR NEGARA YANG BERFUNGSI DAN MELANJUTKAN TEMPOH BERKEMPEN UNTUK PILIHANRAYA MENGEJUT NEGERI SABAH

Global Bersih dengan tegasnya ingin menyeru Suruhanjaya Pilihanraya untuk mewujudkan satu sistem pengundian luar negara yang berfungsi, terjamin dan telus untuk pengundi luar negara, termasuk mereka yang menetap di Singapura, Brunei, Indonesia dan Selatan Thailand untuk membuang undi untuk Pilihanraya Mengejut Negeri Sabah, dan pilihanraya-pilihanraya akan datang. Sistem pengundian luar negara ini juga perlu mengambilkira situasi wabak Covid-19.

Global Bersih ingin menekankan kepentingan satu tempoh berkempen yang mencukupi untuk pengundi luar negara menerima dan menghantar balik kertas undi ke pusat pengundi; iaitu 21 hingga 24 hari.

Cadangan ini adalah berdasarkan pengalaman pengundian pos luar negara semasa PRU 14 di mana tempoh berkempen terlalu singkat untuk pengundi pos luar negara menerima dan menghantar balik kertas undi mereka ke pusat pengundi yang ditetapkan. Selain itu, cuti-cuti umum dalam tempoh berkempen juga tidak diambil kira memandangkan ia telah menyebabkan tempoh tempoh penghantaran kertas undi dipendekan.

Global Bersih juga ingin menyeru SPR untuk menilai semula sistem pengundian luar negara semasa, terutamanya dari segi tahap keberkesanan sistem tersebut dalam situasi wabak Covid-19 sedia ada.

SPR perlu memastikan sistem pengundian luar negara yang boleh dilaksanakan dengan lancar dengan mengambilkira limitasi-limitiasi yang telah diwujudkan oleh wabak Covid-19 seperti gangguan perkhidmatan pos domestik dan luar negara, pergerakan rentas sempadan yang terhad, dan risiko kesihatan.

Faktor-faktor lain yang perlu dipertimbangkan adalah beban kewangan dan masa pengundi, penyebaran maklumat yang sahih oleh SPR, keselamatan kertas undi dan penjejakan status kertas undi atas talian (dari SPR ke peti undi), ketetapan masa, dan pengagihan kertas undi secara efektif ke pusat-pusat mengundi seperti yang dibentangkan dalam Laporan Cadangan Reformasi Sistem Pengundian Luar yang diterbitkan oleh Global Bersih pada tahun lepas.

Global Bersih percaya bahawa SPR menanggung tanggungjawab yang amat penting untuk memastikan semua warga Malaysia, di dalam dan di luar negara dapat menunaikan hak berperlembagaan mereka sebagai pengundi. Sebahagian daripada tanggungjawab ini boleh dilaksanakan dengan kewujudan satu sistem pengundian luar negara yang berfungsi, terjamin dan telus; dalam tempoh berkempen yang sesuai : sekurang-kurangnya 21-24 hari.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi Global Bersih melalui

contact@globalbersih.org

10 Rue Dr. Alfred Vincent



1201 Geneva

Switzerland

www.globalbersih.org

facebook.com/GlobalBersih

twitter.com/GlobalBersih